

# PROJECT BASED LEARNING DI MESILAU, RANAU

Oleh: Crispina Gregory K Han

Seramai 14 orang pelajar HT16 (Pendidikan dengan Sains : Biologi) dan seorang pensyarah kursus Botani , Cik Crispina Gregory K Han telah berjaya melaksanakan projek singkat ini selama 2 hari di Mesilau, Ranau mulai 10-11 April 2010. Objektif projek juga telah berjaya direalisasikan iaitu mengenali kepelbagaiannya jenis tumbuhan, mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran berdasarkan ciri akar, batang, daun dan bunga, membezakan tumbuhan dari aspek dalaman dan luaran tumbuhan, mencadangkan aktiviti sekolah berunsurkan ‘sayangi tumbuhan’, mengaplikasikan semangat kerjasama dalam setiap kerja kumpulan dan membentangkan hasil lawatan yang diperolehi.

Pengalaman pertama buat peserta dan pensyarah kursus telah dapat memberi inspirasi, motivasi dan semangat belajar yang tinggi melalui kaedah pembelajaran *Project Based Learning*. Semua peserta kursus

Botani merasa seronok belajar dan komited melaksanakan aktiviti menggembala di Taman Botani Mesilau, Kundasang, Ranau dengan bantuan jurupandu arah yang berpengalaman dan berkemahiran. Pengalaman menyelusuri hutan belukar dan naik-turun bukit disamping perjalanan yang jauh menjadi kenangan indah yang sentiasa diabadikan dalam kenangan pelajar-pelajar. Suasana indah dan selesa di tempat penginapan Zen Garden, Kundasang, Ranau juga telah dapat memantapkan perkongsian melalui proses pembentangan morfologi tumbuhan yang telah diperolehi semasa penggembalaan.

Kaedah pembelajaran ini telah memberikan impak positif dalam usaha untuk memahami tumbuhan secara dekat dengan alam semulajadi. Selain itu, pengalaman mengurus projek juga memberi pengalaman yang berharga kepada para peserta Kursus Botani.

